

# Khan Academy sokong cara tentukan lokasi kotak hitam

» Portal pendidikan AS hasilkan video kaedah statistik serupa cadangan pensyarah UPM

► Kuala Lumpur

**P**erkiraan menggunakan kaedah statistik dalam menentukan lokasi anggaran kedudukan kotak hitam pesawat MH370 Penerbangan Malaysia (MAS) yang dilaporkan akhbar ini kelmarin turut disokong portal pendidikan, Khan Academy, yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Penerangan mengenai anggaran pusat pancaran gelombang frekuensi kotak hitam menggunakan tiga titik iaitu lokasi isyarat pertama, ketiga dan keempat yang dikesan pasukan mencari MH370 itu dimuatkan dalam video, selama kira-kira 10 minit di laman portal berkenaan.

## Paksi 90 darjah

Berpandukan video itu, anggaran pusat bulatan ditentukan dengan menghubungkan tiga titik menjadi segi tiga dan membina paksi 90 darjah pada setiap garisan

yang dihasilkan. Titik pertembungan semua garisan itu adalah pusat bulatan, selain mempunyai kaitan langsung dengan tiga titik di sepanjang lingkungan, kerana jarak antara pusat dan titik berkenaan sama.

Penggunaan statistik oleh portal itu, serupa dengan kapal dicadangkan Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Aeroangkasa Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Omar Kassim Ariff, dalam merungkai lokasi kotak hitam pesawat MH370, kelmarin.

## Arah tenggara

Omar menganggarkan lokasi komponen itu berada kira-kira 3.4 kilometer di kedudukan arah tenggara dari isyarat akustik kedua yang dikesan kapal pertahanan Australia (ADV) Ocean Shield, pada Sabtu lalu.

Keratan akhbar BH khamis lalu.